

17 AUG 2000

DR MAHATHIR MINTA RAKYAT SAYANGKAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat perlu sentiasa berwaspada terhadap ancaman dari dalam dan luar negara yang boleh menjejaskan kemerdekaan bangsa dan negara.

Perdana Menteri berkata Malaysia baru merdeka selama 43 tahun dan sepanjang tempoh itu, negara telah melalui liku-liku hidup yang penuh cabaran dan dugaan.

"Perjalanan kita masih jauh untuk menuju kejayaan bagi rakyat dan negara. Justeru itu, rakyat hendaklah sentiasa bersatu dalam menjaga keutuhan negara," kata beliau dalam perutusannya dalam buku cenderamata sempena pelancaran Perayaan Bulan Kemerdekaan ke-43 di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pelancaran perayaan itu merupakan satu usaha ke arah memberi kesedaran kepada rakyat tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga dan mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara yang dicintai.

Beliau mengajak rakyat bersama-sama mensyukuri segala nikmat yang Allah curahkan kepada negara ini selama ini.

"Dengan bersyukur, kita akan berasa lebih insaf atas segala pemberian Tuhan kepada kita. Dengan ini, kita akan berasa lebih sayangkan kemerdekaan dan negara kita," kata Dr Mahathir.

--BERNAMA

RV ES MAI